



Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

01-01-2018

addin

19

HARIAN METRO

Peribahasa bagai aur dengan tebing memang tepat bagi menggambarkan hubungan yang perlu ada antara ibu bapa dan guru. Ia satu bentuk bahasa kiasan bagi menggambarkan sikap tolong-menolong selain melambangkan hubungan yang akrab antara kedua-dua pihak.

Ibu bapa memerlukan bantuan guru untuk mendidik anak-anak mereka. Guru pula memerlukan anak murid bagi memastikan ilmu yang dimilikinya dapat disebarkan kepada orang lain.

Begitu juga ibu bapa yang menyedari hakikat tanggungjawab mereka kepada anak-anak akan sentiasa menjalankan amanah tanpa culas.

Sifat terhutang budi kepada guru akan sentiasa berada dalam diri ibu bapa kerana memahami ada insan lain yang sanggup membantu mereka dalam usaha menjadikan anak seorang yang berilmu.

Hanya dengan ilmu, manusia dapat meningkatkan kualiti hidup dan menjadi insan yang berguna.

Amalkan sikap sentiasa

Budi guru tak terbalas

■ Ibu bapa perlu hargai peranan pendidik asuh anak

berkomunikasi dengan guru bagi mengetahui perkembangan pendidikan anak-anak tanpa perlu menunggu Hari Temu Murni atau mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Manfaatkanlah kemudahan komunikasi untuk mengetahui prestasi pendidikan anak-anak dan berbincang berkenaan apa jua masalah yang dihadapi anak-anak di sekolah.

Komunikasi yang baik antara ibu bapa dan guru juga dapat mengelakkan berlakunya salah faham antara kedua-dua pihak.

Dengarlah cakap anak dan segera minta penjelasan daripada pihak guru. Tidak salah mendengar suara anak namun berlaku adillah pada pihak lain dan jangan terburu-buru mengambil jalan pintas dengan rasa marah serta berdendam.

Selesaikanlah sebarang masalah yang berlaku dengan akal waras dan

perasaan belas ihsan sesama insan.

Semua ilmu yang baik adalah ilmu yang mempunyai kaitan dengan agama. Meskipun seorang guru mengajar subjek Sains namun dengan ilmu sains juga dapat menjadikan insan mengenali kehebatan Allah SWT yang mencipta sekalian alam.

Semuanya ada kaitan dengan agama jika kita bijak menghubungkannya. Firman Allah SWT yang

“Allah meninggikan darjat orang yang beriman dan di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat”

Surah al-Mujadalah, ayat 11

menjelaskan martabat tinggi seorang guru, maksudnya: “Allah meninggikan darjat orang yang beriman dan di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat.” (Surah al-Mujadalah, ayat 11)

Sifat sabar adalah senjata ampuh dalam menghadapi cabaran hebat profesion perguruan. Generasi hari ini tidak sama dengan generasi era dahulu kerana perubahan zaman dan kemunculan teknologi yang ada kalanya menghilangkan sifat kemanusiaan.

Guru berdepan cabaran besar dalam memastikan anak didik mereka belajar bersungguh-sungguh serta mengamalkan ilmu dipelajari, seterusnya membentuk keperibadian luhur dan unggul.

Oleh kerana itu Islam meletakkan martabat yang tinggi buat seorang guru. Rasulullah SAW

merakamkan penghargaan-nya kepada guru dalam hadisnya yang bermaksud: “Sesiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu, maka dia mendapat pahala orang yang mengamalkan ilmu itu, pahalanya tidak kurang sedikitpun daripada pahala orang itu.” (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Guru perlu lebih berhati-hati dalam mencari penawar untuk ‘merawat’ kenakalan anak didik mereka. Usah gunakan kekerasan yang didasari rasa marah dan benci.

Gunakanlah timbangan hati yang sarat dengan rasa cinta untuk melihat anak murid itu berjaya satu hari nanti.

Jiwa anak-anak yang baru meningkat dewasa kadang-kadang membuatkan guru letih untuk menanganinya. Namun ingatlah pada janji Allah dan Rasul-Nya yang meletakkan guru pada tempat yang tinggi.



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

“Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan daripada tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.”

(Surah ar-Ra'd, ayat 3)

Bukan semua orang mampu menjadi pendidik, maka yang terpilih pastinya memiliki keistimewaan luar biasa.

Sempena kedatangan 2018 dan musim baru persekolahan, ibu bapa dan guru perlu terus memperkukuhkan hubungan demi kejayaan generasi akan datang.

Penulis pensyarah
Universiti Sultan
Zainal Abidin (UniSZA),
Terengganu